



BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU2212 Bahasa Kebangsaan A**
 Trimester & Year : January – April 2018
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
 Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students’ Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan teks di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tekanan didefinisikan sebagai satu tindak balas mental dan fizikal terhadap pengalaman pahit atau sukar yang dialami oleh seseorang. Tekanan yang berterusan akan memberikan kesan buruk terhadap mental, emosi dan jasmani. Oleh itu, tekanan perlu diurus dengan baik supaya tindakan-tindakan yang terhasil merupakan tindakan yang mencerminkan kebijaksanaan dan bukan tingkah laku melulu yang memalukan. Ekoran itu, setiap individu perlu mengetahui cara-cara mengurus tekanan dengan baik supaya tekanan tidak menguasai diri mereka. Kita perlu mengelakkan gejala ini sebelum terlambat dengan mengamalkan budaya hidup sihat, bukan sahaja dari segi pemakanan tetapi juga dari segi pergaulan.

Berihadah merupakan salah satu amalan budaya hidup sihat. Aktiviti ini membolehkan seseorang itu mendapat tidur yang berkualiti dan menghindarkan kemurungan serta meningkatkan daya tahan. Kita juga perlu membuang segala perasaan buruk dan sentiasa berfikiran positif. Hal ini dapat dilakukan dengan memberikan kata-kata perangsang yang dapat meredakan perasaan negatif supaya kita berada dalam keadaan yang lebih terkawal dan seimbang. Walau bagaimanapun, jika kita gagal berbuat demikian, kita boleh memikirkan hikmah atau kebaikan di sebalik perkara-perkara buruk itu. Seseorang itu dapat menegaskan kepada dirinya bahawa seteruk mana sekalipun sesuatu perkara itu menyakitkan hatinya, **bukan bererti dunia telah berakhir** dalam hidupnya. Kita hendaklah memahami bahawa kitalah yang bertanggungjawab menentukan emosi kita. Oleh itu, kita hendaklah ingat bahawa perasaan marah tidak memberikan keuntungan, sebaliknya keadaan diri sendiri akan menjadi lebih buruk.

Tekanan juga boleh diatasi dengan cara memikirkan perkara-perkara yang menggembirakan kehidupan kita. Contohnya, seseorang itu boleh mengimbau kejayaan-kejayaan yang telah dicapai selama ini kerana dengan berbuat demikian, dia berasa lebih yakin dan mampu menghadapi cabaran. Penglibatan diri dalam kegiatan kemasyarakatan dapat menghindarkan tekanan dalam diri kita. Pergaulan dalam masyarakat membolehkan kita tidak keseorangan dalam menghadapi masalah hidup. Oleh itu, luahkan masalah tersebut kepada orang yang boleh dipercayai secara terus-terang dan tidak menyimpannya dalam hati kerana masalah yang dipendam akan menjadi racun yang membunuh secara senyap.

Selain itu, berjenaka juga dapat mengurangkan kerunsingan kerana dengan ketawa seseorang dapat melupakan masalah yang dihadapinya. Di samping itu, kita perlu kembali kepada kepercayaan agama masing-masing supaya dapat menenangkan fikiran dan emosi. Kita juga perlu sedar bahawa masalah hati tidak dapat diatasi sekiranya kita sekiranya kita lemah dalam penghayatan agama.

(Dipetik dan diubahsuai daripada Membina Motivasi Diri Tatkala Tertekan oleh Dr. HM Tuah Iskandar al-Haj, Dewan Masyarakat, Mac 2002)

1. Berikan maksud rangkai kata **bukan bererti dunia telah berakhir**. (2 markah)
2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **EMPAT (4)** cara menguruskan tekanan? (4 markah)
3. Huraikan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dapat mengurangkan tekanan. (4 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Cerpen : Televisyen Bergerak Oleh : Citra Zura

Osman Hitam dan anak sulungnya ditahan. Segala perkakas dan bungkusan air ketum dirampas. Budak-budak yang selalu melepak di bawah pokok mangga, di hadapan rumah Osman Hitam juga lari bertempieran. Halijah kelam-kabut lagi. Berita mengenai Osman Putih ditangkap sememangnya berita yang ditunggu-tunggu. Di rumah Samsiah, ada Che Mah dan Rugayah. Teringin pula hendak bertanya mengenai anak Rugayah.

“Anak kamu yang hari tu, dah keluar ke belum?” tanya Halijah dengan suara yang agak lantang. Dia mengemaskan silanya. Muka Rugayah merah padam. Dia tidak menjawab.

“Aku ni bukan apa, kesiankan kamu. Ada anak dah tak berguna. Penat saja kita didik elok-elok, akhir sekali **menconteng arang di muka!**” bentak Halijah pura-pura marah. Yang lain mengangguk-angguk.

Semalam, suaminya sibuk bertukang di belakang rumah. Periuk besar dan dapur dibawa ke belakang. Apabila ditanya, Daud sekadar senyum. Dua guni penuh daun ketum ditanggungnya ke belakang rumah. Terkejut Halijah dibuatnya. “Apa abang ni? Anak-anak kita tu? Kena tangkap susah nanti. Saya bukan ada duit bang.” Halijah tidak boleh terima.

“Jah, air ketum ni bukan dadah. Tak haram pun. Kita tolong orang, bagi kuat kerja. Maklumlah orang kampung bukan kerja di pejabat. Ramai yang sakit urat. Jah pegang duit abang.. Nanti apa-apa jadi, boleh jamin abang. Lagipun abang baik dengan Koprul Ghani tu.” bersungguh-sungguh Daud meyakinkan Halijah. Halijah diam. Dia menapak masuk ke dalam rumah dengan dada yang resah gelisah. Esok dia perlu ke rumah Samsiah. Dia perlu mengubah persepsi mereka mengenai ketum. Menurut suaminya, ketum mampu melegakan darah tinggi dan kencing manis. Untuk orang lelaki, air ketum mampu memberikan tenaga. Dia mengakui, orang kampung

semuanya kerja berat. Jadi, tidak salah jika mereka membantu. Bayangan duit berkepek-kepek mula meracuni fikirannya.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “menconteng arang di muka”? **(2 markah)**

2. Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **DUA (2)** perwatakan negatif Halijah dan huraikan dengan memberikan contoh yang sesuai. **(4 markah)**

3. Berdasarkan keseluruhan cerpen, berikan **DUA (2)** pengajaran yang sesuai beserta dengan huraian yang sesuai. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- (a) Bina satu ayat bagi setiap penjodoh bilangan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.
 - I. menganjurkan **(2m)**
 - II. mengeluarkan **(2m)**
 - III. menjelaskan **(2m)**
 - IV. memainkan **(2m)**
 - V. membina **(2m)**

(10 markah)

- (b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

1. Kemasokan secara bertali arus pendatang asing ke negara ini jika tidak dikawal akan mendatangkan masalah sosial yang kronik.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

2. Persekolahan dalam peringkat pra-sekolah mustahak untuk memberikan dedahan awal tentang alam persekolahan.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

3. Kejadian anih yang berlaku ketika hari perkhemahan itu telah memaksa pihak sekolah memhentikan program tersebut serta-merta.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

4. Lokman tidak mahu menggunakan dailek utara apabila berbual dengan rakan-rakan dari seluruh Malaysia kerana dia bimbang jika mereka tidak dapat memahamkannya.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

5. Semua pihak perlu menggembeling tenaga untuk memasti kebersihan persisiran pantai di negara kita terpelihara.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : **SOALAN ESEI (30 MARKAH)**

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

KARANGAN

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Dewasa ini, budaya membaca semakin diketepikan. Budaya ini seolah-olah hidup pada slogan tetapi bukan pada hakikat kehidupan. Bangsa yang berjaya ialah bangsa yang membaca. Bincangkan langkah-langkah untuk menggalakkan aktiviti membaca dalam kalangan pelajar.

SOALAN 2

Penggunaan laman sosial di Malaysia seperti *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya semakin popular di Malaysia. Jelaskan implikasi fenomena ini terhadap masyarakat.

SOALAN 3

Tuliskan sebuah cerita berdasarkan peribahasa, “indah khabar dari rupa”.

KERTAS SOALAN TAMAT